

PROSEDUR LAYANAN PENGENAAN DUTI EKSAIS KE ATAS PRODUK PENYEDIAAN PRACAMPURAN

Pengenaan duti eksais ke atas minuman bergula telah dilaksanakan sejak 1 Julai 2019. Rentetan pengenaan duti eksais ke atas minuman bergula yang telah berjaya mencapai misi penurunan kandungan gula di dalam minuman yang sedia diminum di pasaran, Kementerian Kewangan telah memperluas skop pengenaan duti eksais kepada produk penyediaan pracampuran. Bagi menyokong misi ini, pengenaan duti eksais ke atas produk penyediaan pracampuran akan dilaksanakan bermula 1 Januari 2023 tertakluk kepada Perintah Duti Eksais 2022.

2. Pengenaan duti eksais adalah ke atas produk penyediaan pracampuran yang tersenarai di bawah Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2022 dengan jumlah kandungan gulanya melebihi nilai ambang 33.3gm bagi setiap 100gm produk.
3. Pengenaan duti eksais ke atas pengilang tempatan di bawah Seksyen 20 dan 25 Akta Eksais 1976
 - 3.1. Pengilang yang mengilang produk penyediaan pracampuran perlu dilesenkan di bawah seksyen 20 Akta Eksais 1976 termasuk pengilang yang telah dilesenkan sebagai pengilang berlesen eksais minuman bergula.
 - 3.2. Sekiranya pengilang berlesen eksais mempunyai gudang bagi menyimpan produk penyediaan pracampuran di luar premis kilang yang dilesenkan, gudang tersebut perlu dilesenkan di bawah seksyen 25 Akta Eksais 1976.
 - 3.3. Sekiranya pengilang adalah pengilang berlesen minuman bergula, pengilangan produk penyediaan pracampuran hendaklah dilesenkan secara berasingan daripada produk minuman bergula.
 - 3.4. Permohonan lesen di bawah Seksyen 20 dan Seksyen 25, Akta Eksais 1976 adalah tertakluk kepada suatu Jaminan Bank yang bersamaan dengan 15% daripada jumlah purata bulanan bagi tempoh setahun ke atas duti eksais yang dikira ke atas keluaran barang yang dikilang di dalam premis yang dilesenkan di bawah Akta Eksais 1976.
 - 3.5. Semua permohonan lesen akan diberi kelulusan berkuatkuasa 1 Januari 2023 setelah pembayaran fi lesen dijelaskan.
 - 3.6. Fi lesen iaitu bagi pelesenan kilang di bawah Seksyen 20 adalah sebanyak RM200.00 setahun dan bagi pelesenan gudang di bawah Seksyen 25, Akta Eksais 1976 adalah RM2,400.00 setahun.
4. Pemindahan produk penyediaan pracampuran dari pengilang berlesen dibolehkan menggunakan kenderaan selain daripada pengangkut berlesen (*licence carrier*) dengan kelulusan bertulis daripada Pen. KPK / POP / PKN.
5. Pemindahan produk penyediaan pracampuran dari kilang / gudang berlesen boleh berlaku dalam tiga keadaan iaitu:

- 5.1. Pemindahan barang berduti selain ke gudang / eksport
 - 5.1.1. Pengikraran pemindahan barang berduti pengilang / gudang berlesen adalah menggunakan Borang Eksais No. 7;
 - 5.1.2. Pengikraran dan pembayaran adalah bagi tempoh satu (1) bulan kalendar, selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan berikutnya;
 - 5.1.3. Pengikraran Borang Eksais No. 7 ini hanya menggunakan satu (1) borang sahaja yang disertakan bersama Penyata Pemindahan Produk Berduti Eksais Menggunakan Borang Eksais No.7 (Lampiran A1);
 - 5.1.4. Lampiran A1 perlu juga dibuat dalam bentuk Excel (*softcopy*) dan dihantar kepada pegawai yang hak melalui emel;
 - 5.1.5. Contoh pengikraran borang bagi pemindahan barang berduti adalah seperti di Lampiran B1 berserta dengan Penyata Pemindahan Produk Berduti Eksais seperti di Lampiran A1;
 - 5.1.6. Pengagihan salinan-salinan Borang Eksais No.7 adalah seperti berikut:
 - Salinan asal – untuk stesen kastam yang mengawal
 - Salinan kedua & ketiga– untuk pengilang berlesen
- 5.2. Pemindahan barang dikecualikan selain ke gudang / eksport
 - 5.2.1. Laporan ujian makmal dari makmal yang diakreditasikan oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) adalah diperlukan daripada pengilang untuk mengesahkan jumlah kandungan gula adalah di bawah nilai ambang;
 - 5.2.2. Pemindahan barang ke pasaran tempatan untuk produk dikecualikan duti adalah diikrar menggunakan Borang Eksais No. 7;
 - 5.2.3. Pemindahan barang berduti dari kilang / gudang berlesen selain ke gudang / eksport diikrar menggunakan Borang Eksais No. 7 yang berasingan.
 - 5.2.4. Pengikraran adalah bagi tempoh satu (1) bulan kalendar, selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan berikutnya;
 - 5.2.5. Pengikraran Borang Eksais No. 7 ini hanya menggunakan satu (1) borang sahaja yang disertakan bersama Penyata Pemindahan Produk Dikecualikan Duti Eksais Menggunakan Borang Eksais No.7 (Lampiran A2);
 - 5.2.6. Lampiran A2 perlu dibuat dalam bentuk Excel (*softcopy*) dan dihantar kepada pegawai yang hak melalui emel;
 - 5.2.7. Sekiranya terdapat keraguan, pegawai penaksir berhak untuk mengambil sampel dan menghantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa;

- 5.2.8. Contoh pengikraran borang bagi barang dikecualikan adalah seperti di Lampiran B2 berserta dengan Penyata Pemindahan Produk Dikecualikan Duti Eksais seperti di Lampiran A2.
- 5.2.9. Pengagihan salinan-salinan Borang Eksais No.7 adalah seperti berikut:
- Salinan asal – untuk stesen kastam yang mengawal
- Salinan kedua & ketiga– untuk pengilang berlesen
- 5.3. Pemindahan ke gudang berlesen di bawah Seksyen 25 Akta Eksais 1976 dan Kedai Bebas Cukai
- 5.3.1. Pengikraran Borang Eksais No. 8 secara bulanan bagi tempoh satu (1) bulan kalender selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan berikutnya;
- 5.3.2. Pengikraran Borang Eksais No. 8 ini hanya menggunakan satu (1) borang sahaja yang disertakan bersama Penyata Pemindahan Menggunakan Borang Eksais No.8 ke gudang berlesen Di Bawah Seksyen 25 Akta Eksais 1976 dan Kedai Bebas Cukai (Lampiran A3);
- 5.3.3. Lampiran A3 perlu dibuat dalam bentuk Excel (*softcopy*) dan dihantar kepada pegawai yang hak melalui emel;
- 5.3.4. Contoh borang pengikraran adalah seperti di Lampiran B3 berserta dengan Penyata Pemindahan Menggunakan Eksais No.8 ke gudang berlesen Di Bawah Seksyen 25 Akta Eksais 1976 dan Kedai Bebas Cukai seperti di Lampiran A3;
- 5.3.5. Pemindahan hendaklah dilindungi dengan jaminan bank serta syarat-syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah untuk menjamin duti yang terlibat;
- 5.3.6. Pengagihan salinan-salinan Borang Eksais No.8 adalah seperti berikut:
- Salinan asal – untuk stesen kastam yang mengawal
- Salinan kedua – untuk pemohon
- Salinan ketiga / keempat – untuk diserahkan ke stesen kastam penerima (stesen eksport) dan salinan keempat yang telah disahkan eksport hendaklah dikembalikan ke stesen penghantar untuk tujuan imbangian;
- 5.4. Pemindahan ke pelabuhan, gudang berlesen Seksyen 65 Akta Kastam 1967, Pulau Bebas Cukai dan Zon Bebas untuk tujuan eksport
- 5.4.1. Pengikraran Borang Eksais No. 8 secara bulanan bagi tempoh satu (1) bulan kalender selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan berikutnya yang lengkap bersama Borang Kastam No. 2 atau nombor daftar muatan eksport (manifes);
- 5.4.2. Pengikraran Borang Eksais No. 8 ini hanya menggunakan satu (1) borang sahaja yang disertakan bersama Penyata Pemindahan Menggunakan

Borang Eksais No.8 untuk tujuan eksport ke Luar Negara dan Kawasan Ditetapkan (Lampiran A4);

- 5.4.3. Lampiran A4 perlu dibuat dalam bentuk Excel (*softcopy*) dan dihantar kepada pegawai yang hak melalui emel;
- 5.4.4. Contoh borang pengikraran adalah seperti di Lampiran B4 berserta dengan senarai pergerakan barang seperti di Lampiran A4;
- 5.4.5. Pemindahan hendaklah dilindungi dengan jaminan bank serta syarat-syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah untuk menjamin duti yang terlibat.
- 5.4.6. Pengagihan salinan-salinan Borang Eksais No.8 adalah seperti berikut:
 - Salinan asal – untuk stesen kastam yang mengawal
 - Salinan kedua – untuk pemohon
 - Salinan ketiga / keempat – untuk diserahkan ke stesen kastam penerima (stesen eksport) dan salinan keempat yang telah disahkan eksport hendaklah dikembalikan ke stesen penghantar untuk tujuan imbangan
- 5.4.7. Sekiranya Salinan ke empat tidak dapat disahkan pengeksportan melalui ‘No. Borang K2 / No. Daftar Manifes’, duti yang terlibat perlu dituntut semula oleh stesen penghantar;

5.5. Penghantaran penyata bulanan

- 5.5.1. Setiap pengilang berlesen dikehendaki menyerahkan suatu penyata bulanan seperti di Perintah Tetap Eksais Bil. 3 kepada pegawai yang hak tidak lewat daripada sepuluh (10) haribulan bulan berikutnya sebagaimana kehendak Peraturan 21(3), Peraturan-Peraturan Eksais 1977.
- 5.5.2. Penyata juga perlu dibuat dalam bentuk Excel (*softcopy*) dan dikemukakan kepada pegawai yang hak melalui emel;

6. Pengenaan duti eksais ketika pengimportan

- 6.1. Pelepasan dagangan import bagi produk penyediaan pracampuran hendaklah diikrar dalam Borang K1.
- 6.2. Pegawai perlu memastikan deskripsi barang, kod tarif, kuantiti, jumlah kandungan gula dan duti diikrar dengan betul di dalam borang kastam selari dengan invois / *packing list*;
- 6.3. Pengimportan barang dengan jumlah kandungan gula di bawah nilai ambang disemak berdasarkan label produk atau melalui laporan ujian makmal bagi mengesahkan jumlah kandungan gula tersebut.
- 6.4. Sekiranya berlaku pertikaian penjenisan ketika pengimportan barang, pengimport boleh membuat permohonan pembayaran duti secara bantahan (*pay under protest*) dan pegawai penaksir dikehendaki memproses permohonan

tersebut dan dihantar ke Bahagian PERTEK, Ibu Pejabat selaras Seksyen 8A dan 8B, Akta Eksais 1976.

- 6.5. Pengiraan cukai bagi produk penyediaan pracampuran ketika proses pengimportan.

$$\text{Duti Import} = \text{Nilai Kastam} \times \text{Kadar Duti Import}$$

$$\text{Duti eksais} = \text{Kuantiti (gram)} \times \text{kadar duti eksais}$$

$$\text{Cukai Jualan} = (\text{Nilai Kastam} + \text{Duti Import} + \text{Duti Eksais}) \times \text{Kadar Cukai Jualan}$$

Contoh pengiraan:

Penyediaan pracampuran coklat di bawah kod tarif 1806.10.0000 sebanyak 20,000 sachet dengan kandungan 35gm per sachet dan bernilai RM10,000.00. Kandungan gula adalah sebanyak 34g/100g. Duti import 10%, duti eksais RM0.47/100gm dan cukai jualan 10%.

$$\text{Duti Import} = \text{Nilai Kastam} \times \text{kadar duti import}$$

$$= \text{RM } 10,000.00 \times 10\%$$

$$= \text{RM } 1,000.00$$

$$\text{Duti eksais} = \text{Kuantiti (gram)} \times \text{kadar duti eksais}$$

$$= (20,000 \times 35\text{gram}) \times \text{RM } 0.47 \text{ per } 100\text{gm}$$

$$= 700,000 \text{ gram} \times \text{RM } 0.47 \text{ per } 100\text{gm}$$

$$= \text{RM } 3,290.00$$

$$\text{Cukai Jualan} = (\text{Nilai Kastam} + \text{Duti Import} + \text{Duti Eksais}) \times \text{Kadar Cukai Jualan}$$

$$= (\text{RM } 10,000.00 + \text{RM } 1,000.00 + \text{RM } 3,290.00) \times 10\%$$

$$= \text{RM } 14,290 \times 10\%$$

$$= \text{RM } 1,429.00$$

- 6.6. Pemindahan barang berduti eksais dari stesen import ke gudang di bawah Seksyen 25, Akta Eksais 1976 adalah tidak dibenarkan.

- 6.7. Pemindahan dari stesen import hanya dibenarkan untuk ke gudang di bawah Seksyen 65, Akta Kastam 1967 sahaja menggunakan Borang Kastam No. 8.

7. Pengecualian di bawah Perintah Duti Eksais (Pengecualian) 2022

- 7.1. Butiran 41(a) - Pengecualian ke atas produk penyediaan pracampuran di bawah nilai ambang;

- 7.1.1. Melibatkan produk penyediaan pracampuran yang jumlah kandungan gulanya sama atau di bawah 33.3gm / 100gm;
 - 7.1.2. Jumlah kandungan gula adalah merangkumi gula tambahan dan gula semulajadi dan dinyatakan di dalam label produk;
 - 7.1.3. Laporan ujian makmal dari makmal yang diakreditasikan oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) atau laporan yang ditandatangani oleh *Asia Pasific Accreditation Cooperation* (APAC) atau oleh *International Laboratory Accreditation Cooperation Mutual Recognition Arrangement* (ILAC MRA) adalah diperlukan untuk mengesahkan jumlah kandungan gula adalah di bawah nilai ambang; dan
 - 7.1.4. Maklumat berkaitan makmal yang diakredetasikan oleh JSM boleh didapati melalui portal rasmi JSM iaitu (<https://www.jsm.gov.my/accredited-organisation-directories>).
- 7.2. Butiran 41(b) - Pengecualian ke atas pembelian import / dari pengilang tempatan atas produk penyediaan pracampuran susu formula bayi (sehingga 12 bulan),
 - 7.2.1. Melibatkan produk penyediaan pracampuran berdasarkan susu formula bayi yang disediakan khas untuk bayi baru lahir sehingga berumur dua belas bulan; dan
 - 7.2.2. Deskripsi produk adalah selari dengan para 10.2.1 dan boleh dikenalpasti melalui pelabelan ketika pengimportan / pemindahan dari kilang.
- 7.3. Butiran 41(c) - Pengecualian ke atas pembelian import / dari pengilang tempatan atas produk penyediaan pracampuran susu formula kanak-kanak (12 bulan ke atas - 9 tahun);
 - 7.3.1. Melibatkan produk penyediaan pracampuran berdasarkan susu tepung formula yang disediakan khas untuk kanak-kanak dari umur dua belas bulan sehingga sembilan tahun; dan
 - 7.3.2. Deskripsi produk adalah selari dengan para 10.3.1 dan boleh dikenalpasti melalui pelabelan ketika pengimportan / pemindahan dari kilang.
- 7.4. Butiran 42 - Pengecualian duti eksais ke atas pembelian import / dari pengilang tempatan atas produk penyediaan pracampuran oleh pengilang berlesen eksais untuk tujuan pembungkusan bagi jualan runcit.
 - 7.4.1. Contoh Situasi 1 - Syarikat mengimport produk pracampuran untuk pembungkusan jualan runcit. Syarikat membuat aktiviti pembungkusan sepenuhnya.

Syarikat tidak perlu dilesenkan di bawah seksyen 20 Akta Eksais 1976 kerana syarikat tidak membuat aktiviti pengilangan di bawah seksyen tersebut. Oleh kerana syarikat tersebut bukan pengilang berlesen eksais, maka syarikat tersebut adalah tidak layak menikmati pengecualian di bawah butiran 42 dan perlu membayar duti eksais semasa pengimportan. Hanya pengilang yang dilesenkan di bawah seksyen 20 Akta Eksais 1976 sahaja yang boleh menikmati pengecualian di bawah butiran tersebut.

- 10.4.2 Contoh Situasi 2 – Syarikat pengilang berlesen mengimport produk pracampuran kopi 2 dalam 1 untuk menghasilkan produk pracampuran kopi 3 dalam 1 dan kemudian membuat pembungkusan jualan runcit.

Tiada pengecualian untuk barang separa siap yang juga merupakan barang siap pracampuran dari kilang lain. Pengimport dikenakan Duti Eksais ketika pengimportan melalui Borang Kastam No.1. Manakala Pengilang perlu membayar duti eksais ketika pengikraran Borang Eksais No.7.

- 10.4.3 Contoh Situasi 3 – Pengilang berlesen di bawah seksyen 20 Akta Eksais 1976 mengimport / membeli produk pracampuran dari pengilangan tempatan untuk tujuan pembungkusan bagi jualan runcit.

Pengilang berlesen layak menikmati pengecualian duti eksais di bawah Butiran 42 semasa pengimportan. Walau bagaimanapun duti eksais perlu dibayar semasa pelepasan barang siap produk pracampuran dari kilang dengan menggunakan Borang Eksais No.7.